

SOALAN NO: 7

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH : 06 APRIL 2015

SOALAN : Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan penjelasan yang terperinci mengenai *Sanitary and Phytosanitary Agreement* (SPS) atau Skim Perakuan Pensijilan Fitosanitasi Malaysia terhadap kualiti makanan yang diimport daripada negara lain.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Peraturan Sanitari dan Fitosanitari (SPS) adalah merujuk kepada langkah-langkah yang diambil oleh sesebuah negara bagi menjamin keselamatan manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan daripada penyakit dan serangga perosak dalam produk pertanian dan makanan yang diimport. Manakala, Skim Perakuan Pensijilan Fitosanitasi Malaysia merupakan skim yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian bagi memudahkan dan mempercepatkan proses mengeksport bahan-bahan pertanian ke luar negara.

Bagi menjamin keselamatan dan kualiti makanan yang diimport daripada sesebuah negara, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani selaku penyelaras hal ehwal SPS negara, menguatkuaskan syarat-syarat mengimport bagi produk makanan yang telah ditetapkan oleh Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian ini. Bagi produk berkaitan tumbuhan di bawah Jabatan Pertanian, produk yang hendak diimport perlu mendapat kelulusan pemeriksaan kuarantin dan analisis risiko perosak.

Manakala, bagi produk berkaitan haiwan ternakan di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan produk berkaitan ikan di bawah Jabatan Perikanan, masing-masing memerlukan kelulusan pemeriksaan premis dan analisis risiko import. Di samping itu dokumen-dokumen khusus seperti Sijil Kesihatan, Sijil Analisa atau Sijil Fitosanitasi perlu disertakan bagi memastikan makanan yang diimport adalah bebas daripada perosak dan penyakit.

Selain itu, Kementerian ini juga menguatkuaskan peraturan SPS di semua pintu masuk negara. Pemeriksaan dari segi dokumen dan fizikal dibuat ke atas setiap konsainan makanan yang diimport dalam bentuk hidup atau mati bagi ikan dan haiwan ternakan serta tumbuhan dalam bentuk segar atau separuh proses oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS). Pensampelan juga akan dibuat bagi tujuan analisa kimia, mikrobiologi dan fizikal di semua pintu masuk bagi memastikan kawalan keselamatan makanan import.